

29 JULY 2000

Syed Hamid-Asean

MALAYSIA PUAS HATI DENGAN MESYUARAT ASEAN

Oleh: R.Ravichandran

BANGKOK, 29 Julai (Bernama) -- Malaysia berpuas hati dengan perjalanan dan keputusan persidangan berkaitan Asean di sini yang berakhir hari ini, yang antara lain menerima beberapa inisiatif yang dikemukakan oleh Kuala Lumpur, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata beberapa pandangan dan inisiatif Malaysia seperti dalam soal Troika Asean, Forum Serantau Asean (ARF), Asean+3, Kerjasama Asia Timur dan soal tuntutan bertindih di Laut China Selatan telah diterima.

Beliau berkata hampir kesemua mesyuarat kali ini berjaya memperlihatkan pendekatan perbincangan secara lebih terbuka membabitkan dimensi yang menyeluruh tanpa membataskan kepada soal-soal ekonomi, sosial, serantau atau antarabangsa.

Umpamanya beliau berkata konsep "retreat" telah membolehkan menteri-menteri membincangkan secara tertutup di kalangan mereka mengenai pelbagai isu dan masalah sensitif yang turut memberikan sumbangan kepada kejayaan mesyuarat.

"Kita cukup puas hati dengan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan. Malaysia telah memainkan peranan yang cergas," katanya kepada media Malaysia pada akhir persidangan Selepas mesyuarat peringkat Menteri (PMC).

PMC menutup tirai mesyuarat yang bermula dengan mesyuarat pegawai kanan (SOM), Mesyuarat Peringkat Menteri (AMM), ARF dan mesyuarat Asean+3 yang dijalankan sejak 24 Julai lepas.

Asean dianggotai oleh Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. ARF dianggotai oleh negara-negara Asean dan Australia, China, Kesatuan Eropah (EU), Kanada, India, Jepun, Mongolia, New Zealand, Papua New Guinea, Korea Selatan, Korea Utara, Rusia dan Amerika Syarikat.

Mengenai Troika Asean, beliau berkata, walaupun ia bukan satu pendekatan baru tetapi Malaysia telah memainkan peranan utama memastikan bahawa konsep ini jika diimplementasikan, bukan untuk campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara tetapi sebagai satu proses perundingan dan konsensus, apabila terdapat permintaan mana-mana negara terhadap isu-isu yang dianggap penting dan mustahak yang memberi kesan kepada Asean keseluruhannya.

"Jadi kita punya kejayaan untuk mendapatkan peraturan dan rujukan secara bertulis dalam soal troika adalah sesuatu yang amat baik untuk mengelakkan perselisihan dan salah faham," katanya.

Syed Hamid berkata satu lagi kejayaan Malaysia ialah dalam memuatkan agenda HIV/Aids sebagai agenda utama memandangkan ancamannya kepada pembangunan sosial rantau ini.

Mengenai Asean+3 yang dianggotai oleh negara-negara Asean dan tiga negara Asia Timur -- China, Jepun dan Korea Selatan -- Syed Hamid berkata ia berputik daripada idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai konsep Asia Timur.

"Apabila perkara ini tidak diterima dan ada tentangan, akhirnya bentuknya bertukar kepada Asean+3". Kita juga amat gembira sekali kerana Asean+3 telah menjadi ciri yang kekal dalam Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AAM).

Mengenai ARF, Syed Hamid berkata Malaysia terus menekankan pentingnya forum itu memberikan faedah kepada negara-negara Asean dari segi

keselamatan dan kestabilan serantau dan pada masa yang sama memastikan ianya tidak digunakan sebagai satu forum untuk campur tangan dalam hal ehwal anggota Asean.

"Untuk kepentingan Asean, kita menyuarakan pendapat bahawa ARF harus digerakkan oleh Asean," katanya.

Syed Hamid berkata malahan Malaysia telah memainkan peranan untuk mencapai konsensus yang diperlukan mengenai soal "Code of Conduct" (COC) berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan membabitkan negara seperti Malaysia, China, Filipina dan Vietnam.

Beliau berkata mesyuarat bagi memyiapkan dokumen terakhir mengenai COC akan diadakan di Dalian, China Ogos ini.

Syed Hamid juga berkata, pendirian Malaysia mengenai konsep Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (SEANWFZ) adalah konsisten .

"Kita sentiasa bersuara lantang dan kita juga menyentuh mengenai perjanjian bagi pengharaman sepenuhnya senjata nuklear," kata beliau.

Menjawab satu soalan, Syed Hamid berkata Malaysia tidak cemburu dengan mana-mana negara membabitkan apa-apa isu pada mesyuarat Asean kali ini.

Syed Hamid juga berkata Rusia tberterima kasih kepada Malaysia berikutan perkembangan positif daripada mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur baru-baru ini berhubung dengan isu Chechnya question.

"Saya berpendapat walaupun kita kadang-kala bercanggah pendapat tetapi pada masa yang sama, kita mengiktiraf keutuhan politik dan wilayah Rusia. Ini selaras dengan dasar luar kita," kata beliau.

Menteri Luar Rusia Igor S Ivanov turut menyertai Forum Serantau Asean dan Persidangan selepas Mesyuarat Peringkat Menteri.

-- BERNAMA

RV FAZ